

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN (PKP)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN AM KEWANGAN PELAJAR**

**Yuran Pengajian**

Yuran pengajian ditetapkan secara pakej yang meliputi yuran akademik, peperiksaan, bahan bacaan/modul dan bayaran-bayaran lain seperti perpustakaan, makmal komputer, dan aktiviti pelajar. Jumlah yuran bagi setiap pelajar seperti dalam jadual yuran yang dikepilkkan bersama dengan surat tawaran. Maklumat mengenai jumlah yuran boleh juga didapati di laman web PKP [www.ukm.my/pkp](http://www.ukm.my/pkp). Pihak PKP berhak meminda kadar yuran pada bila-bila masa.

**Bila yuran perlu dibayar?**

**Untuk semester pertama:** Yuran perlu dibayar sepenuhnya sebelum pendaftaran, tertakluk pada makluman pembayaran seperti yang dilampirkan bersama surat tawaran. Pelajar juga diberi pilihan untuk membayar sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum hari pendaftaran dan bakinya sebelum minggu ke-10 pengajian.

Yuran di atas adalah termasuk RM500 yuran komitmen. Yuran ini tidak akan dipulangkan sekiranya pelajar menarik diri dari pengajian yang ditawarkan. Kadar yuran adalah seperti yang dilampirkan bersama dengan surat tawaran.

**Untuk semester berikutnya:** Yuran pengajian perlu dibayar iaitu selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pendaftaran kursus. Pelajar dibenarkan membayar yuran tersebut melalui dua ansuran:-

- (i) Ansuran pertama: Sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah yuran semester perlu dibayar sebelum hari pendaftaran kursus. Pelajar yang gagal membayar yuran tersebut pada masa yang ditetapkan TIDAK akan dibenarkan mendaftar kursus semester berkenaan dan TIDAK akan diberikan bahan bacaan/modul.
- (ii) Ansuran kedua: Baki yuran bagi semester berkaitan perlu dibayar selewat-lewatnya pada minggu ke-10 (semester ke-10) pengajian tersebut. Pelajar yang gagal membayar yuran tersebut pada masa yang ditetapkan TIDAK akan dibenarkan menduduki peperiksaan akhir semester.

**Bagaimana cara membayar?**

A - Bagi pelajar yang membiayai yuran pengajian secara persendirian

Pembayaran yuran boleh dilakukan secara berikut:

1. Tunai

Pembayaran secara tunai hanya boleh dibuat di kaunter PKP pada waktu-waktu berikut (kecuali cuti umum):

Isnin - Khamis	8.15 pagi hingga 1.00 tengahari 2.00 petang hingga 4.45 petang
Jumaat	8.15 pagi hingga 12.00 tengahari 2.45 petang hingga 4.45 petang

## 2. Kad kredit

Pembayaran secara kad kredit hanya boleh dibuat di kaunter PKP pada waktu-waktu berikut (kecuali cuti umum):

Isnin - Khamis	8.15 pagi hingga 1.00 tengahari 2.00 petang hingga 4.45 petang
Jumaat	8.15 pagi hingga 12.00 tengahari 2.45 petang hingga 4.45 petang

## 3. Cek persendirian, deraf bank dan kiriman wang

Pembayaran melalui cek, deraf bank dan kiriman wang hendaklah dibuat atas nama PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN dan diposkan ke alamat:

Pengarah  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Bangunan Wawasan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor

Sila tuliskan nama, nombor kad matrik dan nombor telefon pelajar dengan jelas di belakang cek/deraf/kiriman wang tersebut.

Bayaran melalui cek *post-dated* TIDAK dibenarkan. Sekiranya cek ditandang di atas sebab masalah teknikal, baki bank tidak mencukupi atau sebab lain pelajar terbabit akan disenaraihitamkan dan TIDAK akan dibenarkan membuat sebarang pembayaran melalui cek persendirian.

## 4. Perkhidmatan pembayaran yuran /bil melalui Bank Islam

Pembayaran yuran boleh dibuat melalui:

### i) KaunterBankIslam

Bayaran yuran boleh dibuat di mana-mana kaunter pembayaran Bank Islam dengan mengisi Slip Pembayaran Bil yang disediakan di kaunter. Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah:

- i) Nama : seperti di kad pengenalan
- ii) Nombor kad pengenalan : seperti di kad pengenalan
- iii) Bayar kepada : Pusat Kembangan Pendidikan
- iv) Jenis pembayaran : Yuran pengajian

Sila simpan salinan slip sebagai bukti pembayaran.

ii) Pemegang-pemegang akaun Bank Islam, boleh membayar melalui :

a) ATMBankIslam

Bayaran yuran boleh dibuat dengan:

- 1- Pilih menu>LAIN-LAIN>**PEMBAYARAN BIL/YURAN IPT**
- 2- Masukkan> **NO KAD PENGENALAN PELAJAR**
- 3- Bil Anda> **MASUKKAN AMAUN YANG HENDAK DIBAYAR**
- 4- Simpan resit sebagai rujukan

b) PerbankanInternet

Bayaran boleh dibuat di [www.bankislam.biz](http://www.bankislam.biz) dengan cara

- 1- Klik pada **BILL PRESENTMENT**
- 2- *Payee Corporation* – pilih **UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**
- 3- Pastikan no matrik yang tertera di skrin adalah sama dengan yang dinyatakan dalam surat tawaran
- 4- Masukkan **AMAUN** yang hendak dibayar
- 5- Tekan butang **BAYAR**
- 6- Sila cetak transaksi sebagai bukti pembayaran.

Nota - Bagi pelajar yang mempunyai dua (2) atau lebih nombor matrik (disebabkan menyambung pengajian di PKP atau sebelum ini belajar sepenuh masa di UKM), sila nyatakan no matrik terkini dalam slip pembayaran bil semasa membuat bayaran di Bank Islam/perbankan internet Bank Islam. Segala pembayaran melalui Bank Islam mengambil tempoh selama 3 hari waktu bekerja untuk proses kemaskini akaun pelajar.

B - Bagi pelajar yang membiayai yuran pengajian secara tajaan dan pinjaman pelajaran

Pelajar yang mendapat kemudahan biasiswa atau pinjaman perlu mengemukakan kepada PKP (surat perjanjian biasiswa/pinjaman) bagi memudahkan urusan tuntutan yuran pengajian oleh PKP kepada pihak penaja atau pemberi pinjaman.

### **Sekiranya pelajar menarik diri dari pengajian?**

Yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan melainkan dalam situasi-situasi berikut:

- a. Jika pelajar menarik diri dari pengajian pada minggu pertama hingga ketiga (3) dalam sesuatu semester, 75% daripada yuran pengajian keseluruhan untuk semester berkenaan akan dikembalikan.
- b. Jika pelajar menarik diri dari pengajian pada minggu keempat (4) hingga keenam (6) dalam sesuatu semester, 50% daripada yuran pengajian keseluruhan untuk semester berkenaan akan dikembalikan.
- c. Jika pelajar menarik diri dari pengajian pada minggu ketujuh (7) hingga kesepuluh (10) dalam sesuatu semester, 25% daripada yuran pengajian keseluruhan untuk semester berkenaan akan dikembalikan.

Pemulangan yuran tidak akan dibuat sekiranya pelajar masih mempunyai baki hutang dengan PKP.

**Tuntutan Bahan Bacaan/Modul**

Bahan bacaan/modul yang dibekalkan kepada pelajar boleh dituntut di Kaunter Buku PKP sebaik sahaja sesi pembelajaran bermula. Bahan bacaan/modul yang dibekalkan adalah tertakluk kepada stok sedia ada. Bekalan bahan bacaan bagi semester semasa akan disimpan untuk semester berkenaan sahaja. PKP berhak menggantikan bahan bacaan yang dibekalkan kepada pelajar dengan bahan bacaan yang terdapat dalam stok PKP yang sedia ada.

Bahan bacaan/modul hanya boleh dituntut dalam tempoh satu semester sahaja. Hak tuntutan akan luput sekiranya bayaran yuran dibayar selepas sesi pengajian semasa.

## Bayaran lain yang berkaitan?

Jenis Pengajian	Kadar Pengajian	Catatan
<b>1. Yuran Pengajian</b>		
Yuran Mengulang Kursus (sebab gagal atau baiki gred)	RM100 per unit untuk Sarjanamuda	RM200 per unit untuk Sarjanamuda - pelajar antarabangsa
	RM200 per unit untuk Diploma Siswazah	RM300 per unit untuk Diploma Siswazah - pelajar antarabangsa
	RM300 per unit untuk Sarjana	RM600 per unit untuk Sarjana - pelajar antarabangsa
Yuran Gugur Kursus	RM50 per kursus	
Yuran Menarik Diri Kursus	RM100 per kursus	
Yuran Mengulang Projek	RM200 per unit	Maksimum RM1,200
Yuran Mengulang Kertas Ilmiah/ Latihan Ilmiah	RM100 per unit	
<b>2. Yuran Pelbagai</b>		
<b><i>Tamat pengajian</i></b>		
Yuran Konvokesyen	RM110 (prasiswazah) RM135 (siswazah)	
<b><i>Caj mengikut permintaan/situasi</i></b>		
Yuran Semak Semula Keputusan Peperiksaan	RM50 per kursus	
Semak semula keputusan peperiksaan lisan	RM100	
Rayuan Meneruskan Pengajian	RM100	
Peperiksaan Ulangan Khas	RM25 per kursus (Prasiswazah) RM50 per kursus (Siswazah)	
Peperiksaan Gantian	RM100 per kursus	
Denda Tatatertib	RM200	maksimum per kursus
Denda tidak membuat pendaftaran kursus (atas talian)	RM50	
Denda tidak membuat pengesahan pendaftaran kursus	RM50	
Cetakan Kedua Laporan Akademik/ Keputusan Peperiksaan/Salinan Resit Bayaran/Salinan Surat Tawaran	RM5 per dokumen	
Mohon gantian skrol yang hilang	RM100	Urusan di Bendahari UKM

LAMPIRAN 3

Pelajar mohon salinan asal transkrip untuk kegunaan peribadi -Ambil di PKP -Dihantar pos berdaftar (dlm negara)		RM20/transkrip RM20/transkrip + RM10 (caj pos)
Pelajar mohon salinan asal transkrip untuk dihantar terus kepada institusi luar negara -Dihantar melalui pos berdaftar kepada institusi luar negara		RM150/pos
Cetakan Kad Matrik (hilang/rosak/tukar fakulti/salah ejaan)	RM15	Kes cetakan kedua
Cetakan Kad Matrik (hilang/rosak/tukar fakulti/salah ejaan)	RM50	Kes cetakan ketiga dan seterusnya
<b>3. Yuran-yuran lain</b>		
Yuran Memproses Borang Permohonan	RM50 (Tempatan) RM100 (Antarabangsa)	
Rayuan Meneruskan Pengajian Setelah diberhentikan sebab Tidak Mendaftar	RM100 + RM50/sem (Prasiswazah) RM200 + RM50/sem (Siswazah)	
Lewat menghantar notis penyerahan tesis	RM30	
Kadar Ulangan Peperiksaan Lisan (Ulangan Viva)	RM1,000 (Sarjana) RM1,500 (Kedoktoran)	
Yuran Tambah Semester (Tesis/Penyelidikan/Disertasi)	RM1,500 (Tempatan) RM2,000 (Antarabangsa)	
Yuran Tambah Semester (Kerjakursus) Prasiswazah	RM100 per unit (Tempatan) RM150 per unit (Antarabangsa)	
Yuran Tambah Semester (Kerjakursus) Siswazah	RM900 (Tempatan) RM1,200 (Antarabangsa)	

**Urusan surat menyurat dan pertanyaan boleh dikemukakan kepada:**

Bahagian Kewangan  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor

No Telefon : 03 89213366/89214196/89213997/89213886/89215377  
No Faks : 03 89269182  
E-mel : accpkp@ukm.edu.my